

# UniMAP Tubuhkan Yayasan Tingkatkan Kebajikan



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menu buhkan sebuah yayasan dalam usaha meningkatkan kebajikan terhadap komuniti universiti merangkumi pelajar, staf dan masyarakat. Yayasan UniMAP itu secara tidak langsung membantu meningkatkan kekondusifan dan kelestarian

persekitaran akademik, penyelidikan, kebajikan dan daya saingnya sebagai institusi pengajian tinggi. Yayasan UniMAP diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat berhad menurut jaminan dan tanpa modal berbayar. Penubuhannya diluluskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia pada 5 Ogos 2013 dengan bernombor pendaftaran 1057299 V.

Majlis perasmian Yayasan UniMAP telah disempurnakan oleh Naib Canselor sendiri sempena Malam Sekalung Budi yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 23 Ogos 2013 lalu. Sijil Pemerbadanan Yayasan diserahkan oleh Tuan Haji Sahlan Saruddin, selaku Setiausaha Berdaftar Yayasan UniMAP kepada Naib Canselor.